

11 APR 2004

MCA-Naib Presiden

FU AH KIW DAN CHUA SOI LEK NAIB PRESIDEN BARU MCA?

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Mesyuarat jawatankuasa pusat (CC)

MCA Selasa ini, mesyuarat pertama selepas pilihan raya umum ke-11, 21 Mac

lepas, dijangka melantik dua naib presiden parti yang baru, kata sumber

parti itu.

Beliau berkata CC, badan pembuat keputusan parti mempunyai kuasa membuat pelantikan itu berikutan kekosongan dua jawatan naib presiden

selepas Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy masing-masing

dilantik sebagai Presiden dan Timbalan Presiden MCA pada 23 Mei tahun

lepas.

"CC dijangka membincangkan kekosongan itu dan mereka yang disebut-sebut

mengisinya ialah Datuk Dr Chua Soi Lek dan Datuk Fu Ah Kiow," kata sumber

itu kepada Bernama di sini hari ini.

Dr Chua yang juga ketua MCA Johor, dilantik sebagai Menteri Kesihatan

manakala Fu ialah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Sumber itu berkata perubahan itu adalah selari dengan inisiatif kepimpinan MCA untuk memperkukuhkan parti selepas pilihan raya umum yang

menyaksikan beberapa pemimpin MCA tidak dilantik semula ke jawatan kabinet

masing-masing, serta jawatan exco negeri.

Sumber itu berkata: "Pelantikan kedua-duanya tepat pada masa kerana

mereka dijangka dapat menyatukan anggota parti yang mempunyai sejarah

perpecahan kepada dua kem - Team A dan Team B".

"Sekarang, tidak ada lagi Team A dan Team B memandangkan kedua-dua

pemimpin tertinggi parti telah berjaya menyatukan anggota dan mendapat

sokongan padu penyokong masing-masing," katanya.

Pada pemilihan parti 1999, perwakilan telah memilih Datuk Seri Ong Ka

Ting, Datuk Chua Jui Meng, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Seri Chan Kong

Choy sebagai naib-naib presiden.

Bagaimanapun, berikutan pelaksanaan pelan damai yang diusahakan oleh

bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad serta peletakkan jawatan oleh Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Seri Lim Ah Lek masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden, dua naib presiden dilantik oleh CC bagi mengetuai kira-kira 1.3 juta anggota parti.

Ekoran pelantikan Ong dan Chan, dua jawatan naib presiden belum diisi sehingga ini.

Sumber itu berkata: "Pelantikan itu merupakan sebahagian daripada perubahan dalam barisan kepimpinan parti. Mesyuarat CC Selasa ini juga akan menyaksikan pelantikan bendahari agung serta kemungkinan pelantikan penolong setiausaha," katanya.

Beliau berkata setiausaha agung parti sedia ada Tan Sri Dr Ting Chew Peh dijangka terus memegang jawatan itu, manakala ketua MCA Terengganu Senator Datuk Lau Yin Pin dijangka dilantik sebagai bendahari agung yang baru.

"Jawatan penolong setiausaha jika diluluskan, disebut-sebut milik Datuk Hon Choon Kim (Timbalan Menteri Pelajaran) atau Datuk Donald Lim (Timbalan Menteri Penerangan," katanya.

Sumber itu bagaimanapun berkata pelantikan itu hanya berkuatkuasa jika majoriti anggota CC bersetuju dengan perubahan itu.

-- BERNAMA
AT HK LAT